



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 7

26hb Mac 2020

TAMBAHAN No. 35
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 97.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PENGECEUALIAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 66(1)(x) dan 127(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pengecualian) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 Mac 2020.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan orang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual daripada pemakaian peruntukan yang dinyatakan dalam ruang (2), selagi Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [P.U. (A) 87/2020] terus berkuat kuasa.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah subkaedah (1) adalah tertakluk kepada syarat bahawa orang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual hendaklah memohon untuk memperbaharui lesen kenderaan motornya, lesen memandunya atau lesen vokasionalnya, mengikut mana yang berkenaan, dalam masa tiga puluh hari selepas Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 itu terhenti berkuat kuasa.